

Yakin kebolehan diri kunci kejayaan graduan

Kisah Penerima Pingat Emas Canselor UMS Tang Yi Li yang berasal dari Ipoh, Perak

UB 13.12.2023 P.06

KOTA KINABALU: Sentiasa yakin akan kebolehan diri sendiri menjadi kunci utama kejayaan penerima anugerah Pingat Emas Canselor, Tang Yi Li, 25, graduan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau yang berasal dari Ipoh, Perak ini berkata demikian ketika ditemui di Majlis Konvokesyen UMS ke-25, kelmarin.

Beliau menerima anugerah itu daripada Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin yang juga Canselor UMS setelah mendapat purata nilai gred PNGK 3.97 dalam pengajian Ijazah Doktor Perubatan dengan Kujuman.

Menurutnya, minat yang mendalam dalam subjek Biologi semasa masih menuntut di sekolah menengah membuka lembaran untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan.

“Walaupun menghadapi cabaran dan pengorbanan, anugerah yang saya peroleh ini merupakan bukti ketekunan, sokongan keluarga dan semangat saya untuk terus belajar.

“Saya tidak dapat merayakan Tahun Baru Cina selama tiga tahun berturut-turut bersama ahli keluarga yang tercinta kerana dikekang dengan jadual yang padat dengan ujian dan kelas yang banyak.

“Kursus perubatan amat mencabar. Kaedah belajar melalui pengulangan, ket-

ekunan belajar dan sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan amat bermakna kepada saya,” katanya.

Tambah Tang, terus maju ke depan dan percaya dengan proses menjadi pegangan hidupnya yang sering bermain badminton dan melancong bersama rakan-rakan seperti Kundasang, Labuan dan Pitas.

“Matlamat pertama saya ialah untuk menjadi kebanggaan keluarga saya. Bagi saya keluarga adalah segalanya dan merupakan penyokong utama saya dari dahulu sehingga kini,” katanya yang ketika ini bekerja sebagai pembantu penyelidik separuh masa dalam bidang neurologi, di Hospital Queen Elizabeth I.



KEJAYAAN: Tang Yi Lin menerima Anugerah Pingat Emas Canselor Majlis Konvokesyen UMS ke-25 daripada TYT Sabah, sambil diiringi kedua-dua ibu bapanya.